

Kertas Bil. 7/ 2014

**LAPORAN JAWATANKUASA
PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

***“ Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor”***

**JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

1. Menurut Peraturan 69(1), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap menimbang dari semasa ke semasa dan mengeluarkan penyata kepada Dewan berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan Tetap yang diserahkan oleh Dewan kepadanya bagi dibentangkan.
2. Pada Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas yang lalu telah dibawakan suatu Usul cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor. Usul tersebut telah dibacakan dan dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor pada 29 November 2013 dan Dewan telah menyerahkan perkara-perkara yang hendak dipinda itu kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap seperti di **Lampiran B** untuk diperhalusi sebelum dipertimbangkan bagi diluluskan pindaan tersebut oleh Dewan.
3. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor selaras dengan amanah yang diberikan oleh Dewan telah mengadakan mesyuarat bagi mengkaji dan meneliti pindaan-pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor seperti yang diserahkan pada 29 November 2013 yang lalu. Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti di **Lampiran A**.
4. Penelitian Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri mendapat pindaan yang dicadangkan melibatkan Peraturan-Peraturan berikut iaitu Peraturan 10, Peraturan 24, Peraturan 68 dan Peraturan 73.

5. Pindaan kepada Peraturan 10 melibatkan penambahan peraturan baru kepada peraturan sedia ada iaitu Peraturan 10A seperti di **Lampiran B**. Pindaan kepada Peraturan 24 melibatkan penambahan perenggan baru kepada perenggan sedia ada iaitu perenggan 24(7), 24(8), 24(9) dan 24(10) seperti di **Lampiran B**. Pindaan kepada Peraturan 68 melibatkan pindaan ayat kepada Peraturan 68(2) seperti di **Lampiran B**. Pindaan kepada Peraturan 73 juga melibatkan pindaan ayat di mana Peraturan 73(8) dipinda seperti di **Lampiran B**.
6. Sekiranya cadangan ini diluluskan, pindaan kepada Peraturan 10 akan membolehkan siaran langsung Persidangan Dewan diwajibkan supaya perbahasan yang berlangsung di dalam Dewan dapat diikuti oleh rakyat secara amnya selaras dengan konsep kerajaan yang telus, amanah dan bertanggungjawab.
7. Pindaan kepada Peraturan 24 pula dilihat dapat menambahbaik proses pertanyaan oleh ahli kepada Menteri Besar atau mana-mana ahli Dewan yang dicadangkan oleh Menteri Besar ketika sidang Dewan sedang berlangsung. Sekiranya diluluskan, pindaan ini akan memastikan pertanyaan-pertanyaan yang diajukan oleh ahli Dewan dijawab dalam tempoh masa yang ditetapkan, di samping memberi ruang kepada mana-mana ahli Dewan untuk membuat rayuan sekiranya tidak berpuas hati dengan jawapan yang telah diberikan.
8. Pindaan kepada Peraturan 68 bakal mewajibkan Ketua Pembangkang untuk mempengerusikan Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan selaras dengan konvensyen dan amalan yang digunakan oleh parlimen-parlimen negara Komanwel yang lain manakala pindaan kepada Peraturan 73 akan mengurangkan beban Setiausaha Dewan yang kini perlu menghadiri kesembilan-sembilan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan yang aktif.
9. Ulasan dan syor Jawatankuasa berhubung cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti di **Lampiran C**.

10. Walau apa pun yang termaktub di dalam Peraturan 69(3) dan 69(4), Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bersetuju dengan cadangan pindaan dan mengesyorkan cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor ini diluluskan mengikut ulasan dan syor Jawatankuasa seperti di Lampiran C.

11. Dengan ini, Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor dibentangkan kepada Dewan dan seterusnya dipertimbangkan syor sepertimana yang terdapat di dalam Laporan untuk kelulusan dan seterusnya untuk diterima pakai.



.....
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN

Pengerusi
Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor.

27 Mac 2014

Lampiran A

**SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
Tuan Speaker,
Dewan Negeri Selangor
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Loh Chee Heng
(ADN Kawasan Teluk Datuk) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman
(ADN Kawasan Paya Jaras) | Ahli |
| 5. | Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Tan Pok Shyong
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 7. | Y.B. Datuk Rosni binti Sahar
(ADN Kawasan Hulu Bernam) | Ahli |

Cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor

(i) Liputan Persidangan Dewan

Dengan menambah:

- 10A Setiap Persidangan Dewan hendaklah disiarkan secara langsung sama ada melalui stesen TV ataupun laman web sepanjang masa persidangan.

(ii) Cara mengeluarkan dan menjawab pertanyaan

Dengan meminda:

- 24(2) Jika seseorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawab lisan itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaannya, maka sesiapa ahli lain bolehlah, tertakluk kepada budi bicara Tuan Speaker, mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaan sendiri.....

Dengan menambah:

- 24(7) Sebarang pertanyaan untuk jawapan lisan yang tidak sempat dijawab oleh Menteri Besar hendaklah diberikan jawapannya secara bertulis kepada ahli yang bertanyakan soalan tersebut sebelum usul hendak menangguhkan Dewan kepada hari yang lain dibawa.
- 24(8) Semua pertanyaan bagi jawapan bertulis mesti dijawab dan jawapan bertulis diedarkan kepada ahli yang bertanyakan soalan tersebut pada hari pertama persidangan Dewan iaitu genap dua puluh satu hari daripada tarikh pertanyaan dikeluarkan.
- 24(9) Menteri Besar dan/atau ahli Dewan yang dicadangkan oleh Menteri Besar menurut Peraturan Tetap 21 jika gagal untuk menjawab pertanyaan untuk jawapan lisan atau jawapan bertulis seperti dalam Peraturan Tetap 24(7) dan 24(8) akan dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan oleh Tuan Speaker.
- 24(10) Seseorang ahli yang tidak berpuas hati dengan jawapan lisan atau jawapan bertulis yang telah diberikan boleh merayu secara bertulis kepada Tuan Speaker dan memberikan butir-butir yang berkaitan. Tuan Speaker, jika puas hati dengan rayuan tersebut bolehlah mengarahkan

supaya soalan dijawab semula oleh pihak yang berkaitan atau bolehlah diserahkannya perkara itu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

(iii) **Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan**

Dengan meminda:

- 68(2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada **Ketua Pembangkang sebagai** Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang ahli **lain** yang akan dilantik oleh Dewan, dengan seberapa segera selepas permulaan tiap-tiap Penggal Persidangan.

(iv) **Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan**

Dengan meminda:

- 73(8) Setiausaha Dewan **atau Penolong Setiausaha Dewan atau wakil yang diberi kuasa oleh Setiausaha Dewan** hendaklah jadi Setiausaha kepada tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan.

Lampiran C

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL SEPERTI DI LAMPIRAN B	ULASAN JAWATANKUASA DAN CADANGAN PINDAAN BARU (JIKA ADA)
1.	Peraturan Tetap 10 10(1)hingga 10(3) (Seperti di dalam buku Peraturan-Peraturan Tetap)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan memasukkan perenggan (10A) seperti berikut:</p> <p>“(10A) Setiap Persidangan Dewan hendaklah disiarkan secara langsung sama ada melalui stesen TV ataupun laman web sepanjang masa persidangan.”</p>	<p>Peraturan baru ini bagi membolehkan siaran langsung Persidangan Dewan diwajibkan bagi penggal-penggal yang seterusnya supaya perbahasan yang berlangsung di dalam Dewan terutama sekali yang melibatkan kepentingan rakyat secara amnya dapat diikuti selaras dengan konsep kerajaan yang telus, amanah dan bertanggungjawab.</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL SEPERTI DI LAMPIRAN B	ULASAN JAWATANKUASA DAN CADANGAN PINDAAN BARU (JIKA ADA)
1.	Peraturan Tetap 24 (1) hingga 24 (6) (Seperti di dalam buku Peraturan-Peraturan Tetap)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda seperti berikut:</p> <p>“24(2) Jika seseorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawab lisan itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaannya, maka sesiapa ahli bolehlah, <u>tertakluk kepada budi bicara Tuan Speaker,</u> mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaan sendiri...”</p>	Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan ini adalah perlu supaya Tuan Speaker diberi kuasa untuk memastikan sidang Dewan berjalan dengan lebih sistematik dan efisyen di mana kelebihan seseorang ahli untuk mengambil pertanyaan ahli lain tidak disalahguna.

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL SEPERTI DI LAMPIRAN B	ULASAN JAWATANKUASA DAN CADANGAN PINDAAN BARU (JIKA ADA)
1.	Peraturan Tetap 24 24(1)hingga 24(6) (Seperti di dalam buku Peraturan-Peraturan Tetap)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan memasukkan perenggan 24(7), 24(8), 24(9) dan 24(10) seperti berikut:</p> <p>“24(7) Sebarang pertanyaan untuk jawapan lisan yang tidak sempat dijawab oleh Menteri Besar hendaklah diberikan jawapannya secara bertulis kepada ahli yang bertanyakan soalan tersebut sebelum usul hendak menangguhkan Dewan kepada hari yang lain dibawa.</p>	Pindaan ini dilakukan bagi membolehkan ahli mendapatkan jawapan bagi pertanyaan mereka selaras dengan doktrin sekat dan imbangan (<i>'check and balance'</i>) di mana badan eksekutif bertanggungjawab terhadap badan legislatif.
2.		24(8) Semua pertanyaan bagi jawapan bertulis mesti dijawab dan jawapan bertulis diedarkan kepada ahli yang bertanyakan soalan tersebut pada hari pertama persidangan Dewan iaitu genap dua puluh satu (21) hari daripada tarikh pertanyaan dikeluarkan.	Jawatankuasa merasakan bahawa tempoh masa dua puluh satu (21) hari selepas pertanyaan dikeluarkan yakni pada hari pertama persidangan perlu diikuti kerana ahli Dewan yang bertanyakan soalan memerlukan jawapan tersebut semasa sidang Dewan berlangsung. Jawapan kepada soalan tersebut mungkin akan menjadi tidak relevan sekiranya dijawab selepas Sidang berlangsung. Selain itu, Dewan Negeri Selangor harus mengguna pakai amalan yang setanding dengan Parlimen Malaysia dan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Kelantan iaitu jawapan

			dikemukakan pada hari pertama persidangan Dewan.
3.		<p>24(9) Menteri Besar dan/atau ahli Dewan yang dicadangkan oleh Menteri Besar menurut Peraturan Tetap 21 jika gagal untuk menjawab pertanyaan untuk jawapan lisan atau jawapan bertulis seperti dalam Peraturan Tetap 24(7) dan 24(8) akan dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan oleh Tuan Speaker.</p>	<p>Jawatankuasa ini mengesyorkan supaya perkataan ‘...akan dirujuk...’ dipinda kepada perkataan ‘...boleh dirujuk...’ selaras dengan Peraturan Tetap 23(4).</p> <p>Pindaan ini dilakukan bagi membolehkan ahli mendapatkan jawapan bagi pertanyaan mereka selaras dengan doktrin sekat dan imbangan (<i>‘check and balance’</i>) di mana badan eksekutif bertanggungjawab terhadap badan legislatif.</p> <p>Pindaan ini juga dilakukan untuk memberi kuasa budi bicara kepada Tuan Speaker untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.</p>
4.		<p>24(10) Seseorang ahli yang tidak berpuas hati dengan jawapan lisan atau jawapan bertulis yang telah diberikan boleh merayu secara bertulis kepada Tuan Speaker dan memberikan butir-butir yang berkaitan. Tuan Speaker, jika puas hati dengan rayuan tersebut bolehlah mengarahkan supaya soalan dijawab semula oleh pihak yang berkaitan atau bolehlah diserahkannya perkara itu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.”</p>	<p>Pindaan ini dilakukan supaya satu ruang dimana ahli-ahli boleh membuat rayuan kepada Tuan Speaker sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan jawapan yang diterima. Jawatankuasa merasakan ruang ini perlu diwujudkan bagi memastikan akauntabiliti badan eksekutif terhadap badan legislatif sentiasa dipelihara sesuai dengan amalan demokrasi berparlimen dan juga doktrin sekat dan imbangan (<i>‘check and balance’</i>).</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL SEPERTI DI LAMPIRAN B	ULASAN JAWATANKUASA DAN CADANGAN PINDAAN BARU (JIKA ADA)
1.	Peraturan Tetap 68 68(1)hingga 68(5) (Seperti di dalam buku Peraturan-Peraturan Tetap)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda seperti berikut:</p> <p>"68(2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang ahli lain yang akan dilantik oleh Dewan, dengan seberapa segera selepas permulaan tiap-tiap Penggal Persidangan."</p>	<p>Tidak disyorkan kerana pindaan ini akan melibatkan pindaan kepada Peraturan Tetap 68A (2), 68B (2) dan 68C (2).</p> <p>Bagi mengelakkan permasalahan ini, Jawatankuasa mengesyorkan Peraturan Tetap 68(1) dipinda seperti berikut:</p> <p>"68(1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan dilantik pada awal tiap-tiap penggal persidangan dan dipengerusikan oleh Ketua Pembangkang kerana memeriksa..."</p> <p>Peraturan ini akan mewajibkan Ketua Pembangkang mengetuai Jawatankuasa ini selari dengan konvensyen yang digunakan oleh parlimen-parlimen negara Komanwel yang lain.</p> <p>Jawatankuasa merasakan bahawa Ketua Pembangkang perlu mengetuai Jawatankuasa ini memandangkan elauan khas Ketua Pembangkang telah diluluskan dan tugasannya setimpal dengan tanggungjawab dan amanah yang telah</p>

			diberikan. Ia juga dapat memastikan doktrin sekat danimbangan ('check and balance') dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.
--	--	--	--

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL SEPERTI DI LAMPIRAN B	ULASAN JAWATANKUASA DAN CADANGAN PINDAAN BARU (JIKA ADA)
1.	Peraturan Tetap 73 73(1)hingga 73(14) (Seperti di dalam buku Peraturan-Peraturan Tetap)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda seperti berikut:</p> <p>“73(8) Setiausaha Dewan <u>atau Penolong Setiausaha Dewan atau wakil yang diberi kuasa oleh Setiausaha Dewan</u> hendaklah jadi Setiausaha kepada tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan.”</p>	<p>Peraturan baru dilihat perlu bagi mengurangkan beban kerja Setiausaha Dewan kerana Dewan pada masa ini mempunyai sembilan buah Jawatankuasa Pilihan di mana kesembilan-sembilan Jawatankuasa ini bergerak secara aktif.</p>